



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

NOTA PERCAKAPAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA

MAJLIS PENYERAHAN
***E-VOUCHER* DARIPADA SHOPEE MALAYSIA KEPADA**
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA

10 MEI 2021 (ISNIN)

10.00 PAGI

ARAS 10

PERKARANGAN BILIK MESYUARAT BUNGA RAYA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA

Terima Kasih kepada Pengacara Majlis
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

SALUTASI

(Akan disediakan ketika Majlis Penyerahan)

ALUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini untuk menyaksikan **Majlis Penyerahan *E-Voucher* daripada Shopee Malaysia kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNDHEP)**.
2. Saya mengalu-alukan kehadiran barisan pengurusan Shopee Malaysia yang bersama-sama dalam majlis pada pagi ini dan ucapan penghargaan terima kasih kepada pihak Shopee atas kerjasama dan memberikan kepercayaan kepada KPNDHEP

bagi menyerahkan sumbangan berbentuk *e-voucher* kepada golongan yang memerlukan.

3. Kementerian mengalu-alukan penyertaan pemain-pemain industri khususnya dalam e-dagang di dalam program berbentuk *Corporate Social Responsibility* (CSR). Bermula sejak tahun 2018, salah satu Program berbentuk tanggungjawab sosial yang diterajui oleh Kementerian ini adalah Program Food Bank Malaysia (PFBM).
4. Harapan dan hasrat kerajaan adalah untuk membantu golongan yang tidak berkemampuan dalam pelbagai bentuk bukan sahaja bantuan makanan tetapi pelbagai kaedah. Dalam hal ini, kementerian ini telah mengambil inisiatif untuk terus melaksanakan program bantuan kepada golongan sasaran secara holistik melalui PFBM.

Para Hadirin dihormati,

5. Majlis Penyerahan *E-Voucher* kepada KPDNHEP pada hari ini merupakan program berbentuk CSR

pihak Shopee Malaysia dalam membuktikan keprihatinan pemain-pemain industri e-dagang terhadap usaha-usaha dalam membantu dan meringankan beban kepada golongan yang kurang berkemampuan.

6. Saya difahamkan, ini adalah merupakan sebahagian daripada inisiatif pihak Shopee Malaysia bersama dengan KPDNHEP untuk membantu golongan yang memerlukan bersempena dengan sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai bagi tahun 2021. Sebanyak 2,000 unit baucer dan setiap 1 baucer bernilai Ringgit Malaysia (RM) 50.00 akan diserahkan kepada KPDNHEP dan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM100,000.00 yang disumbangkan oleh Shopee Malaysia.

Para Hadirin sekalian,

7. Kerjasama KPDNHEP dan Shopee melalui platform e-dagang telah banyak membantu usahawan-usahawan tempatan didalam mengetengahkan serta

menjual produk berasaskan perkhidmatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam memastikan ekonomi domestik tidak ketinggalan.

8. Kolaborasi didalam menjayakan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) telah membuka ruang dan kejayaan dalam memacu hala tuju dalam menjayakan kempen membeli barangan dan perkhidmatan tempatan. Usaha pihak Shopee untuk mendahulukan produk-produk tempatan melalui medium aplikasi ini sememangnya wajar dipuji sebagai rakyat Malaysia.

PENUTUP

9. Kerajaan sentiasa cakna dan prihatin dengan nasib yang dialami oleh semua golongan yang tidak berkemampuan serta berkeperluan dalam memenuhi hasrat pembangunan negara. Harapan kementerian ini agar usaha seperti ini diteruskan dan diperluaskan pada masa akan datang. Saya juga

amat yakin bahawa program CSR sebegini berupaya menjalin perhubungan erat dengan pelbagai pihak.

10. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Shopee Malaysia dalam usaha bersama-sama membantu golongan kurang berkemampuan dan ucapan terima kasih saya juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini secara langsung atau tidak langsung.

“Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Mohon Maaf Zahir dan Batin.”

Sekian, terima kasih